

CNS8353

R GB 18-01 00151 BC435

Bah

Mahathir - Raja

MAHATHIR: TIADA MAKNA UNTUK BERBINCANG LAGI

KUALA LUMPUR, 18 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata tidak ada makna bagi kerajaan untuk terus berbincang dengan Raja-Raja buat masa ini mengenai cadangan pindaan Perlembagaan yang sudahpun dibentangkan di Dewan Rakyat hari ini.

Perdana Menteri berkata Raja-Raja sepatutnya berpegang kepada persetujuan yang dicapai dalam beberapa pertemuan sebelum ini mengenai cadangan kerajaan meminda perlembagaan.

"Kita dah bagi masa yang panjang dan perkara ini agak mudah sahaja, bukan ada perkara yang rumit," katanya kepada pemberita di ruang legar bangunan Parlimen.

Beliau ditanya mengenai keputusan Majlis Raja-Raja tidak memberi perkenan kepada cadangan kerajaan itu buat masa ini kerana mereka memerlukan masa untuk berbincang dengan kerajaan.

Dr Mahathir berkata, kedua-dua pihak sebenarnya telah berbincang secara terperinci, termasuk mengenai cadangan Raja-Raja supaya ditubuhkan mahkamah khas bagi membicarakan mereka. -- Lagi

▼18/01/21-36MST

R GB 18-01 00150 BC436

Bah

Mahathir - Raja 2 Kuala Lumpur

Katanya, perbincangan itu nampaknya tidak bermakna langsung.

"Kita berasa kecewa kerana kita percaya bahawa daripada perbincangan itu, mereka bersetuju...sekurang-kurangnya enam daripada mereka bersetuju tetapi hari ini lain langsung."

"Saya fikir tak ada apa yang hendak dibincangkan lagi...prinsipnya cukup mudah dan kita telah terangkan tiga perkara yang hendak dipinda berkenaan soal kekebalan, hasutan dan pengampunan," katanya.

Akhbar-akhbar hari ini melaporkan Yang DiPertuan Besar Negeri Sembilan, Raja Perlis, Sultan Pahang, Sultan Terengganu, Pemangku Sultan Selangor dan Pemangku Raja Perak secara tidak rasmi menyatakan perkenan terhadap cadangan pindaan itu dalam rundingan dengan kerajaan di Istana Negara semalam.

Dr Mahathir berkata, beliau tidak tahu sebab Raja-Raja berubah pendirian dalam soal itu.

Katanya, Raja-raja boleh memikirkan mengenai pindaan itu dalam jangkamasa yang diberikan kepada Yang di-Pertuan Agong untuk menandatangani setelah diluluskan oleh Parlimen. -- Lagi

▼18/01/21-39MST

R GB 18-01 00161 BC437

Bah

Mahathir - Raja 3 Kuala Lumpur

Ketika ditanya tindakan selanjutnya sekiranya perkenan DiRaja tidak diperolehi, Dr Mahathir berkata parlimen akan sekali lagi membahaskan rang undang-undang itu selepas tempoh 30 hari ini.

Jika ia masih tidak diperkenankan dalam tempoh 30 hari selanjutnya, beliau berkata rang undang-undang itu akan secara automatik menjadi undang-undang berdasarkan pindaan perlembagaan yang dibuat pada tahun 1983.

Katanya, jika Raja-raja mempertikaikan undang-undang itu mereka boleh membawa perkara itu ke mahkamah.

Menjawab soalan mengapa cadangan pindaan itu dibentangkan walaupun Raja-Raja tidak memberikan perkenan, Dr Mahathir berkata, ia untuk memberikan peluang kepada wakil rakyat membuat pendirian mengenai perkara itu.

"Dengan dinyatakan pendirian wakil rakyat, raja akan sedar tentang perasaan rakyat keseluruhannya dan mungkin kerana itu mereka akan menukar fikiran.

"Kalau disenyapkan perkara ini kerana tidak mendapat persetujuan Raja-Raja dan dewan tidak bersidang, raja-raja akan mendapat gambaran bahawa tidak ada apa-apa tentangan tentang kedudukan raja-raja," katanya.

-- Lagi

▼18/01/22-05MST

CNS8368

R GB 18-01 00143 BC438

Bah

Mahathir - Raja 4 (Akhir) Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata, kerajaan akan meneruskan cadangan baru mengenai pembentukan mahkamah khas bagi membicarakan Raja-raja walaupun mereka tidak memberikan perkenan terhadap pindaan asal.

"Kita akan tetap membentangkannya kerana kita bersedia menerima cadangan untuk melindungi status raja-raja...apabila mereka mencadangkan supaya tidak dibicarakan oleh mahkamah biasa, kita bersetuju," katanya.

Beliau berkata pembentukan mahkamah khas bukan sahaja melindungi kedudukan raja-raja tetapi juga memberikan saluran kepada rakyat untuk mencari keadilan.

Mengenai cadangan raja-raja supaya dibentuk lembaga penasihat untuk memecat raja sebelum dibicarakan di mahkamah, Dr Mahathir berkata, cadangan itu tidak akan berhasil kerana raja-raja mempunyai pertalian persaudaraan.

Dr Mahathir menolak pendapat Majlis Raja-Raja yang menyatakan perubahan yang cuba dibuat oleh kerajaan itu adalah +radikal+.

"Apa yang radikalnya...ada pandangan menyatakan raja-raja bukan mengatasi undang-undang," katanya. -- Bernama

▼18/01/22-06MST